

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMK 101 – Pengantar Kesusasteraan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab TIGA soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A (50 markah)

Jawab Semua soalan bahagian ini di ruangan yang disediakan.

Soalan 1

(a) Mengapakah Robert Scholes menyifatkan naratif sebagai warisan tradisi?

(b) Huraikan tiga (3) aspek dalaman yang terdapat dalam prosa.

(c) Jelaskan pembahagian genre di zaman moden.

(d) Mengapakah kritikan kesusasteraan dan teori kesusasteraan saling berkaitan?

(e) Berikan tiga (3) perkara yang membezakan antara prosa dan puisi.

BAHAGIAN B

Pilih dan jawab dua (2) soalan daripada bahagian ini.

2. Novel *Sutan Baginda*, karya Shahnnon Ahmad banyak menampilkan unsur pengajaran yang boleh dimanfaatkan oleh pembaca. Bincangkan pengajaran yang terdapat di dalam novel ini.
(25 markah)
3. Watak Wi dalam novel *Wi & William*, karya Azizi Haji Abdullah pada mulanya berprasangka negatif terhadap William. Pada pendapat anda, mengapakah Wi bersikap demikian.
(25 markah)
4. Sajak ‘*Salam Perempuan Dari Penjara*’ oleh Zurinah Hassan mengutarakan isu pembebasan wanita. Bincangkan hal ini dengan merujuk puisi yang dilampirkan.
(25 markah)

Salam Perempuan Dari Penjara

Seorang Zurinah di kamar saudara-saudara perempuannya

ia tidak berani keluar lagi

ke padang yang melambainya

di sini ia bisa memiliki apa saja

kecuali dirinya sendiri

ia mahu berkata

tetapi tidak punya suara

kerana bahasa seorang wanita

telah menjadi merbahaya

lalu ditawarkan puisi-puisi sumbangan dari kurungan

terlalu banyak yang minta disempurnakan

sebelum angin petang turun

meleraikan mawar di meja

sebelum bayang-bayang terakhir

berlalu dari jendela

sebelum senja menyuramkan

garis-garis di kaca

garis-garis di muka

ia dan saudara-saudara perempuannya

dalam perarakan menuju harimati

sedang ketakutan telah lama

membunuh mereka

September 1973